

Mukhriz bebas ceburi politik — Dr. M

UM - 15/7/2004: 4 Perdana

KUALA LUMPUR 14 Julai — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak akan meminta anaknya, Datuk Mukhriz tidak terlibat dalam pemilihan UMNO akan datang semata-mata kerana hendak menjaga reputasinya.

“Saya sudah meletakkan jawatan (Perdana Menteri dan Presiden parti), itu terpujang kepada dia (Mukhriz).”

“Saya sudah bersara, saya juga tidak boleh meminta anak saya supaya tidak meneruskan pembabitannya dalam politik semata-mata untuk menjaga reputasi saya,” katanya.

Beliau diminta mengulas mengenai pembabitan anaknya itu pada pemilihan UMNO kali ini ketika ditemui pada majlis pelanca-

ran pejabat baru sebuah agensi pengiklanan di sini, hari ini.

Ditanya sama ada beliau menggalakkan Mukhriz terbabit dalam politik, Dr. Mahathir berkata: “Jika dia datang jumpa dapatkan nasihat, saya beri.

“Tetapi apa yang saya nak katakan di sini ialah, pembabitan anak saya (Mukhriz) dalam pemilihan kali ini bukan sebagai anak Perdana Menteri”.

Mukhriz menyertai UMNO Bahagian Kubang Pasu dan mencuba nasib bertanding jawatan Ketua Pemuda bahagian itu minggu lalu, namun beliau tewas. Beliau bagaimanapun diberi peluang menganggotai jawatankuasa bahagian tersebut.

Nama Mukhriz juga turut dicalonkan untuk bersaing jawatan Naib Ketua Perge-

rakan Pemuda UMNO. Setakat Isnin lalu beliau memperoleh enam pencalonan bersaing dengan Khairy Jamaluddin yang menerima 125 pencalonan.

Sementara itu, mengenai dakwaan bekas Ketua Menteri Melaka Tan Sri Abdul Rahim Tambi Chik wujudnya amalan politik wang dalam pemilihan peringkat bahagian baru-baru ini, Dr. Mahathir kesal kerana masih ada lagi ahli UMNO yang mengamalkan politik wang.

Beliau berkata, walaupun tidak terbabit dalam pemilihan kali ini, dia berharap parti perlu membuat satu ketetapan supaya kegiatan politik wang tidak akan berlarutan.

Katanya, parti perlu mengambil tindakan segera supaya keadaan ini tidak berlaku dan sekali gus menjejaskan nama baik UMNO sendiri.

“Jika benar ada bukti, kemukakan dan dakwa mereka. Ambil tindakan segera terhadap mereka,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, sebelum ini anaknya (Mukhriz) juga pernah dituduh memberi wang kepada perwakilan.

“Saya kata, jika dia (Mukhriz) bagi wang seperti yang didakwa, kemukakan bukti dan dakwa dia,” katanya.

Rahim dilaporkan berkata, beliau mempunyai bukti kukuh dan mencukupi untuk membawa kes amalan politik wang di bahagian Kota Melaka kepada Jawatankuasa Disiplin UMNO.

Dr. Mahathir turut mengulangi pendiriannya mengenai hasrat Tengku Razaleigh Hamzah yang tidak akan mendapat sokongan bagi membolehkan beliau bertanding

jawatan Presiden dalam perhimpunan agung UMNO, September ini.

“Saya tidak fikir beliau akan mendapat sokongan seperti yang diperolehinya semasa beliau mencabar saya dulu.

“Beliau tidak akan mendapat sokongan yang diperlukan untuk bertanding pun,” kata Dr. Mahathir.

Menurutnya, sudah menjadi tradisi parti tidak akan ada pertandingan bagi dua jawatan tertinggi dalam parti.

“Secara tradisinya ialah tiada pertandingan bagi kedua-dua jawatan itu. Tetapi saya pernah dicabar, jadi mungkin Ku Li fikir dia patut melakukannya sekali lagi,” kata beliau.

Ku Li mencabar Dr. Mahathir semasa menjadi Presiden pada 1987, dan dimenangi oleh Dr. Mahathir dengan 43 undi.